

Malaysia calon peneraju negara Islam

Utusan Online

17 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 16 Jun - Malaysia merupakan salah sebuah negara terbaik untuk mengetuai negara-negara Islam lain dalam menyelesaikan pelbagai isu global di persada antarabangsa, kata bekas Dekan Fakulti Syariah Universiti Al-Azhar, Mesir, Dr. Hamed Abdel Rahman.

Katanya, kedudukan Malaysia di kalangan dunia Islam diiktiraf kerana berupaya mengekalkan kestabilan walaupun dihuni masyarakat pelbagai kaum dan agama sejak mencapai kemerdekaan.

Kejayaan itu, kata beliau, pernah diperakui sendiri bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan pada 2007.

"Kofi Annan menganggap Malaysia contoh negara Islam maju dan merupakan negara yang hebat di antara survival (kelangsungan) pelbagai agama.

"Malaysia juga terbukti berjaya menangani permasalahan dengan baik," katanya ketika membentangkan kertas kerja sempena Seminar Fiqh Mentaati Pemimpin di sini hari ini.

Pada pembentangan itu, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin bertindak sebagai moderator.

Dalam satu lawatan ke negara ini pada 2007, Annan menggesa Malaysia menjadi salah sebuah peneraju dunia dan bertindak aktif dalam menyuarakan pandangan tanpa perlu diminta atas dasar kepimpinan negara yang mengutamakan konsep kesederhanaan.

Sementara itu, kepada satu soalan, Hamed memberitahu, beliau secara peribadi beranggapan Turki mampu menjadi peneraju kepada dunia Islam berdasarkan kedudukan geografi negara tersebut.

"Napoleon (Bonaparte) pernah berkata Turki adalah jantung dunia kerana kedudukannya serta memiliki dua selat yang terpenting di dunia," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0617&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm